



MEMO

Daripada : Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Kepada : Semua Penghuni Kamsis

Salinan Kepada : Pengarah
Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
Ketua Warden
Fail

Tarikh : 25 Januari 2021

No. Fail : PMM.KAMSIS.700-1 Jld.3 (76)

PENGURUSAN KELUAR KAMSIS DAN TATACARA PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan Takwim Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sesi Jun 2020 yang akan berakhir pada 11 Februari 2021 (Khamis), semua penghuni kamsis dibenarkan untuk mengambil barang-barang milik peribadi pada ketetapan berikut :-

Tarikh : 25 Januari 2021 sehingga 11 Februari 2021
(Kecuali Hari Cuti Mingguan dan Cuti Kelepasan Am)
Masa : 8.00 pagi sehingga 5.00 petang
Tempat : Pejabat Pengurusan Kamsis, Politeknik Merlimau Melaka

3. Memandangkan kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas beberapa negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak, **pelajar boleh memuat turun surat pelepasan rentas daerah / negeri diportal www.jheppmm.com/ezymohon**. Untuk makluman, surat tersebut perlu dibawa ke Balai Polis yang berhampiran untuk mendapatkan kelulusan rentas daerah/ negeri bagi tujuan diatas.

4. Disini disertakan **Tatacara Pengurusan Keluar Kamsis Dan Tatacara Pengambilan Barangan Peribadi** seperti di **Lampiran A**. Tuan/puan perlulah mematuhi tatacara tersebut bagi bagi memudahkan semua urusan. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Pejabat Pengurusan Kamsis di talian 019-4178520.

5. Perhatian dan kerjasama tuan/ puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN)
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Merlimau

**TATACARA PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI DAN KELUAR KAMSIS
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA**

1. Mengosongkan Bilik pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 25 Januari 2021 sehingga 11 Februari 2021
(Kecuali Hari Cuti Mingguan dan Cuti Kelepasan Am)
Masa : 8.00 pagi sehingga 5.00 petang
Tempat : Pejabat Pengurusan Kamsis, Politeknik Merlimau Melaka

2. Semua pelajar dan pelawat yang mengiringi pelajar hendaklah menjalani pemeriksaan suhu dan mengimbas Kod QR di Pos Pengawal Utama sebelum memasuki kawasan Politeknik Merlimau, Melaka.
3. Parkir kenderaan di lokasi yang dibenarkan sahaja.
4. Pelajar hendaklah mengisi Buku Rekod Kehadiran di Pos Pengawal Kamsis sebelum memasuki kawasan Kamsis.
5. Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan untuk mengambil barangan peribadi masing-masing di Kamsis. Ibu bapa atau sesiapa yang membawa pelajar hanya dibenarkan menunggu di dalam kenderaan atau di kawasan parkir sahaja.
6. Pelajar adalah bertanggungjawab di atas kebersihan dan kekemasan bilik masing-masing. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan menyebabkan penahanan keputusan peperiksaan akhir. Sebarang peralatan atau barang-barang yang ditinggalkan diklasifikasikan sebagai tidak diperlukan dan pihak Kamsis berhak membuangnya.
7. Kunci Bilik hendaklah diserahkan sendiri kepada Kakitangan di pejabat Pengurusan Kamsis pada waktu yang telah ditetapkan sahaja.
8. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Pejabat Pengurusan Kamsis di talian 019-417 8520.

Sekian, terima kasih.